

“  
Saya benar-benar terharu dengan sambutan yang diberikan peminat di Pulau Pinang. Malah, ada yang datang dari Kuala Lumpur, Perak dan Kedah bagi memberikan semangat buat saya sejak mula membuat persembahan hingga tamat”

Amir Ukay's, Penyanyi



# Kuat demi peminat

» Amir Ukay's kumpul tenaga demi kerjaya 25 tahun, seronok kembalikan nostalgia lagu popular

Oleh Rudy Syareme Sheriffudin  
bhnews@bh.com.my

**B**iar pun dugaan dan cabaran menyimpannya beberapa hari sebelum *showcase* di Hard Rock Cafe (HRC) Pulau Pinang, baru-baru ini, Amir Ukay's sedikit pun tidak lemah semangat untuk tampil menghiburkan peminat.

Bukan ingin meraih simpati, namun berkat sokongan lebih 100 peminat yang hadir, persembahan Amir yang pernah popular dengan lagu *Di Sana Menanti Di Sini Menunggu* berjaya mengubat rindu.

Bagi Amir, zaman kegemilangan bersama bekas Ukay's sukar diungkapkan dengan kata-kata. Malah, segala kenangan tersimpan rapi sejak mencipta nama bersama kumpulan yang ditubuhkan pada tahun 1989 di bawah didikan komposer Saari Amri.

#### Nyanyi tanpa henti

Nostalgia kembali bertaut apabila lagu popular Ukay's dinyanyikan tanpa henti selama dua jam sambil diiringi pemuzik yang cukup mantap dan menghiburkan.

Menurut Amir, kejayaan

*showcase* di HRC Melaka tahun lalu memberinya semangat untuk bertandang ke Pulau Mutiara. Apatah lagi, beliau sering berkunjung ke negeri ini bagi mengadakan persembahan majlis makan malam.


Aku Ukay, jika dilihat dari segi promosi, diakui wujud kelemahan, namun ia bukan alasan untuk dirinya dan anggota kumpulan memberi persembahan sambil lewa.

#### Terharu dengan peminat

"Saya benar-benar terharu dengan sambutan yang diberikan peminat di Pulau Pinang. Malah, ada yang datang dari Kuala Lumpur, Perak dan Kedah bagi memberikan semangat buat saya sejak mula membuat persembahan hingga tamat.

"Jutaan terima kasih diberi kepada HRC Pulau Pinang atas segala kepercayaan selepas kami menerima tawaran, April lalu.

"Saya tidak nafikan faktor usia benar-benar menguji diri bagi membuat persembahan dua jam. Namun, apabila mengingatkan peminat yang hadir, saya lakukan juga," katanya ketika ditemui selepas persembahan berakhir.



Amir turut memperuntukkan masa melayan peminat.

## Mahu nyanyi di HRC Kuala Lumpur, Kota Kinabalu

**Sempena** *showcase* istimewa Amir Ukay's Bersama Peminat, lebih 20 lagu dipersembahkan yang dipetik daripada album *Tinggal Irama* (1989); *Kelahiran* (1991); *Mencari* (1992); *Bisa Berbisu* (1994); *Tajam Menikam* (1995); *Panas Berpanjangan* (1996); *Cuma Aku Yang Hidup* (1998) dan *Pijar Kasmaran* (2000).

Antara lagu malar segar yang didendangkan adalah *Nyanyian Jiwa*, *Kembali Mencari*, *Bila Diri Disayangi*, *Sudah Tiada Tunasnya*, *Sesak*, *Seksa*, *Sebak*, *Kau Satu-Satunya*, *Pahit Akan Manis Akhirnya*, *Rhythm Si Jantung Hati*, *Kekasihku di Menara*, *Siapa Rampas Cintamu* dan lagu hit, *Di Sana Menanti Di Sini Menunggu*.

#### Bangkitkan nostalgia

Bagi Amir, nostalgia selama 25 tahun dalam dunia seni 'hidup' kembali melalui persembahannya itu.

"Saya berharap peminat berpuas hati dengan persembahan ini. Jika ada kekurangan, harap dimaafkan. Insya-Allah saya akan kembali untuk menghiburkan peminat di Pulau Pinang pada masa akan datang.

"Saya juga berhasrat untuk mengadakan persembahan di cawangan HRC Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur pula jika mendapat peluang serta tajaan pihak korporat," katanya.



Pelakon, Siti Fazurina Mohd Famir (dua dari kiri) turut hadir menyaksikan persembahan Amir Ukay's di Hard Rock Cafe, Pulau Pinang.

[ FOTO RUDY SYAREME SHERIFFUDIN / BH ]